



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Siaran Akhbar**

**15 Oktober 2017**

## **"Bertindak Sekarang Untuk Tangani Masalah Banjir di Pulau Pinang"**

Bimbang dengan banjir yang melanda Pulau Pinang pada 15 September 2017, beberapa Persatuan Penduduk dan Wakil Komuniti berkumpul bersama untuk membuat gesaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan wakil rakyat mereka supaya mengambilkira situasi taburan hujan, banjir dan hakisan bukit dengan secara serius.

Kejadian banjir di Pulau Pinang baru-baru ini mendedahkan penyebab jangka pendek dan jangka panjang serta langkah yang diperlukan untuk mengurangkan dan menyelesaikan masalah banjir.

Banjir yang melanda begitu banyak kawasan dan kerosakan teruk yang disebabkan oleh kejadian banjir itu telah mengejutkan rakyat Pulau Pinang yang sudah pun menghadapi banjir di masa lalu. Pada kali ini, kerosakan yang disebabkan oleh kejadian banjir itu amat teruk dan membimbangkan sehingga menyebabkan kesengsaraan dan kekecewaan.

Ramai komuniti terjejas, termasuklah:

- Kehilangan satu nyawa;
- Rumah, termasuk rumah perlindungan orang tua turut rosak dan dilanda banjir;
- Beberapa ratus orang terpaksa dipindahkan ke pusat penempatan banjir;
- Beribu orang terperangkap dalam kesesakan lalu lintas;
- Banyak kereta yang rosak, ditimpa tanah runtuh, tenggelam dalam air atau terperangkap dalam lumpur;
- Tanah runtuh berlaku di beberapa kawasan dan hakisan pada cerun bukit; dan
- Ramai orang yang tidak dapat ke tempat kerja.

Kejadian ini dan banjir yang berlaku selepas ini sepatutnya menjadi satu amaran untuk mengambil tindakan segera dan serius.

Sesetengah penyebab utama berulangnya kejadian banjir di Pulau Pinang adalah disebabkan oleh beberapa perkara yang berikut:

- Pembangunan hutan konkrit meningkatkan larian air permukaan;
- Pembangunan di lereng bukit dan pematangan cerun bukit;
- Pembangunan yang berleluasa dan kekurangan kawasan terbuka hijau;
- Saliran dan perparitan yang tidak memuaskan/longkang tersumbat;
- Perancangan yang lemah dan terlepas pandang oleh kerajaan; dan
- Peningkatan kekerapan dan intensiti taburan hujan akibat kemungkinan perubahan dalam iklim.

Kejadian ini bukanlah peristiwa yang berlaku sekali sahaja dan dijangka akan berlaku semula jika pihak berkuasa tidak mengambil langkah pencegahan dan menangani punca utama kejadian.

Langkah pencegahan banjir sahaja tidak mencukupi dan tindakan yang berkesan dan lengkap amat diperlukan.

Malah, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi baru-baru ini berkata “projek tebatan banjir tidak dapat menghentikan banjir tetapi hanya boleh membantu mengurangkan kesan banjir kerana banyak lagi isu lain juga turut menyumbang kepada masalah itu.”

Beliau juga memberi amaran bahawa data taburan hujan pada masa kini juga tidak lagi dapat digunakan untuk projek tebatan banjir kerana corak taburan hujan telah berubah dalam beberapa tahun yang lalu.

Oleh sebab itu, kami menuntut agar tindakan yang berikut diambil:

- i. Hentikan pembangunan berlebihan dan kewujudan lebih banyak hutan konkrit;
- ii. Pemetongan bukit dan pembangunan di cerun bukit mestilah dihentikan dengan segera. Ini boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan tidak meluluskan sebarang pembangunan di lereng bukit dan tanah bukit;
- iii. Kerajaan Negeri perlu segera meminda garis panduan ‘projek khas’ 2009 untuk melarang semua pembangunan di tanah bukit, kecuali jika ia untuk perkhidmatan awam penting;
- iv. Cerun bukit yang terdedah dan cerun serta ruang yang tandus perlu dipulihkan semula dan dilindungi untuk mencegah hakisan tanah;
- v. Penguatkuasaan yang tegas, tindakan mencegah dan berkesan perlu diambil oleh pihak berkuasa yang berkaitan termasuk pihak berkuasa tempatan terhadap mereka yang membersihkan tanah secara haram atau tidak mematuhi syarat yang dikenakan bagi mencegah hakisan tanah;
- vi. Pemantauan kawasan cerun bukit dengan kerap oleh pihak berkuasa tempatan;
- vii. Pengisytiharan awam oleh pihak berkuasa tempatan bagi kawasan bukit dan cerun yang tidak selamat;
- viii. Memerlukan lebih banyak penanaman pokok dan mewujudkan ruang terbuka hijau;
- ix. Membersihkan longkang dengan kerap agar tidak tersumbat;
- x. Menyediakan Rancangan Tempatan supaya dapat mengawal perancangan;
- xi. Memastikan mereka yang berkuasa dan bertanggungjawab dalam kerajaan adalah mereka yang profesional, jujur, mempunyai integriti dan pengalaman dan bertanggungjawab terhadap tindakan mereka; dan
- xii. Meningkatkan penguatkuasaan dan kebertanggungjawaban bukan hanya dalam agensi kerajaan tetapi juga dalam badan profesional seperti Lembaga Jurutera Malaysia.

Wakil Persatuan Penduduk dan Perbadanan Pengurusan/Jawatankuasa juga akan menghubungi Wakil Rakyat masing-masing bagi menggesa mereka untuk bertindak terhadap tuntutan di atas dan memastikan mereka bertanggungjawab terhadap tindakan mereka.

Kenyataan ini disokong oleh:

1. Meenakshi Raman  
Tanjung Bungah Residents Association
2. Dr.Ti Lian Geh  
Taman Sri Rambai /Taman Lau Geok Swee Residents’ Association, Paya Terubong
3. Manuel Nicholas  
Management Corporation Sunrise Garden Condominium, Sungei Ara
4. Medalene Sim  
Management Committee Solok Kelicap, Sg. Ara
5. Jeffery Ho  
Taman Sri Nibong Residents Association, Sungei Nibong Besar
6. Hor Cheok Weng  
Management Committee, Mawar Apartment, Sungei Nibong Besar

7. Nic Sim  
Management Committee, Melati Apartment, Sungei Nibong Besar
8. Ang Sue Khoo  
Pykett Residents' Committee
9. Henry Loh  
Management Corporation, Diamond Villa, Tanjung Bungah
10. Terence Nathan  
Management Corporation, Marvista, Tg. Bungah
11. George Lee  
Management Corporation, Desa Embun Emas Tg. Bungah
12. Dato' Kee Phaik Chin  
Residents Association of Jesselton
13. Douglas Fox  
Management Corporation of Taman Jesselton
14. S. Suppiah  
Residents Association of Pantai Molek, Tg Tokong
15. K. Suthakar  
Tanjung Court Condominium Residents' Ad-Hoc Group
16. Soo Ying Hong  
Desa Delima Residents Association, Bandar Baru Air Itam
17. Choong Ewe Chin  
Sri Impian Residents Association, Bandar Baru Air Itam
18. Steven Leong Yik Foo  
Desa Baiduri Residents Adhoc Group Bandar Baru Air Itam
19. Rama Velayutham  
Treasure Ville Residents Association Bandar Baru Air Itam
20. Khoo Hock Kin  
Fortune Court Residents Association Bandar Baru Air Itam
21. Haji Fadzil Bin Hitam  
Desaria Residents Association, Taman Desaria, Sungai Ara, Penang.
22. R. Chandra Segar  
Management Corporation Vistaria Condominium Taman Desaria, Sungai Ara,  
Penang.
23. Prof. Emeritus D. Gajaraj  
Management Corporation of The Cove
24. Alan Tan  
Management Committee Lavinia Apartment

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Meenakshi Raman di talian 012-4300042.**